

Ulangkaji Unit 1.2– **Kebersihan Diri**

Pilih jawapan yang betul bagi soalan-soalan di bawah ini:

1. Kebersihan diri sangat penting. Kebersihan kunci _____.


- a) keburukan
- b) kesihatan
- c) kelambatan

2. Bagaimanakah kita menjaga kesihatan gigi dengan cara yang betul?

- a) Menggigit pensel atau benda keras.
- b) Makan dan minum yang manis.
- c) Menggigit kuku.
- d) Amalkan memberus gigi selepas makan

3. Jika gigi kamu sakit, ke manakah kamu harus mendapat rawatan?


- a) Ke kedai makan.
- b) Ke klinik gigi.



4. Mata yang rosak atau dijangkiti penyakit boleh menyebabkan penglihatan kita

_____.

- a) kabur atau buta
- b) bersih dan sihat
- c) berair dan sakit




5. Bagaimanakah kita menjaga kesihatan mata?

- a) Amalkan tabiat menonton televisyen dari jarak yang sesuai.
- b) Menggosok mata dengan menggunakan tangan yang kotor.
- c) Melihat skrin telefon bimbit dalam keadaan gelap.


6. Apakah faktor yang boleh menyebabkan sakit telinga?

- a) Mengeringkan telinga menggunakan tuala yang bersih selepas mandi.
- b) Menggunakan benda tajam untuk mengorek telinga.
- c) Berjumpa doktor ketika telinga sakit.



7. Jika kaki sihat, kita oleh _____ dengan sempurna.

- a) mendengar
- b) melihat
- c) berjalan



8. Kulit kita mudah terdedah kepada _____ dan dijangkiti penyakit.

- a) kekotoran
- b) air
- c) sabun

9. Bagaimanakah kita menjaga kulit kita agar sentiasa sihat dan bersih?

- a) Amalkan memakan buah-buahan.
- b) Bermain dengan benda yang kotor.
- c) Selalu bermain di bawah matahari yang terik.